
PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)

Bilangan 2 Tahun 2024

AKAUN AMANAH PENGURUSAN KENDERAAN

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Universiti telah bersetuju bagi mewujudkan Akaun Amanah Pengurusan Kenderaan bagi kutipan dana penyewaan kenderaan rasmi universiti secara bersepadu dan berpusat di seluruh sistem UiTM.

LATAR BELAKANG

2. Permohonan sewaan kenderaan bas, lori dan van telah dilaksanakan yang mana ia dapat menjana hasil kepada Bahagian Pengurusan Kenderaan / Unit Kenderaan.
3. Oleh kerana ia merupakan salah satu punca pendapatan Bahagian Pengurusan Kenderaan / Unit Kenderaan, maka perlulah diwujudkan satu tabung amanah yang dapat mengumpulkan segala hasil serta dana yang diterima.
4. Maka dengan itu Akaun Tabung Amanah Pengurusan Kenderaan perlu diwujudkan di seluruh sistem UiTM dengan kadar segera.

PELAKSANAAN

5. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan JTK Ke- 237 – pada 27 Ogos 2024 telah meluluskan permohonan mewujudkan Akaun Tabung Amanah Pengurusan Kenderaan. Pelaksanaan ini adalah kepada semua PTJ / Kampus.

6. Arahan Amanah ini membatalkan Arahan Amanah Akaun Amanah Perkhidmatan Bas yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-148 bertarikh 22 Jun 2006.
7. PTJ / Kampus adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan semua permohonan penyewaan kenderaan rasmi UiTM perlu dibuat secara atas talian melalui sistem e-kenderaan mengikut peraturan dan kadar yang telah ditetapkan.
8. PTJ / Kampus juga bertanggungjawab untuk melantik ahli jawatankuasa Akaun Tabung Amanah Pengurusan Kenderaan masing-masing bagi mengurus dan memastikan kelancaran Tabung Amanah ini.

PEMAKAIAN

9. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua PTJ / Kampus yang menguruskan hal-hal sewaan kenderaan dan penajaan lain-lain hasil pendapatan di seluruh sistem Universiti Teknologi MARA (UiTM)

TARIKH DIKELUARKAN

10. Pekeliling ini dikeluarkan pada 01 Oktober 2024

TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 15 Oktober 2024.

اوسها، تقوى، موليا
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(PROFESOR Ts. Sr Dr. MD. YUSOF HAMID, PMP, AMP)
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Dikelilingkan kepada:

Semua Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail: 100-JP (BPSSM 6/7/4)

No. Siri: Pekeliling TNC (Pembangunan)



URUS SETIA JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN
JABATAN BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM

TEL: 03-5544 3390
FAKS: 03-5544 3302

SULIT

Ruj. Kami : 100-BBI (PTA.9/4/1) (JTK237/2024)
Tarikh : 1446H ربيع الأول 7
: 11 SEP 2024

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor.

YBhg. Prof.,

**PERMOHONAN CADANGAN PINDAAN (ADDENDUM) ARAHAN TABUNG
PERKHIDMATAN BAS KEPADA TABUNG AKAUN AMANAH PENGURUSAN
KENDERAAN
(PERKARA BERBANGKIT - A.15 D 5964)**

Dengan segala hormatnya tuan dirujuk kepada perkara di atas.

2. Berikut ialah keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan ke-237 bertarikh 27 Ogos 2024 untuk perhatian dan tindakan YBhg. Prof selanjutnya.

KEPUTUSAN:

1. Jawatankuasa Tetap Kewangan bersetuju meluluskan cadangan pindaan (*addendum*) Arahan Amanah Tabung Perkhidmatan Bas kepada Tabung Akaun Amanah Pengurusan Kenderaan.
2. Arahan Akaun Amanah Tabung Akaun Amanah Pengurusan Kenderaan adalah seperti di Lampiran 1.
3. Kelulusan ini berkuat kuasa mulai 15 September 2024.

3. Dimaklumkan bahawa minit mesyuarat berkenaan akan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan akan datang.

Sekian, untuk perhatian dan tindakan YBhg. Prof seterusnya.

أوسهء، نقوى، موليا


"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

SULIT

Ruj. Kami : 100-BBI (PTA.9/4/1) (JTK237/2024)
Tarikh : 1446H ربيع الأول
:

Saya yang menjalankan amanah,



(ROSNANI ABDUL RAZAK (C.A) (M))

Pengarah Kewangan
Bahagian Pentadbiran dan Dasar Kewangan
Merangkap Setiausaha JTK
b.p. Bendahari UiTM

s.k

1. Pengarah Kewangan
Bahagian Kewangan Pembangunan dan Fasiliti
Jabatan Bendahari
2. Pengarah Kewangan
Bahagian Akaun Amanah
Jabatan Bendahari

ARAHAN AKAUN AMANAH AKAUN AMANAH PENGURUSAN KENDERAAN

1.0 NAMA AKAUN AMANAH

Bahawa dengan ini telah ditubuhkan satu Akaun Amanah di bawah Kumpulan Wang Amanah yang disatukan yang dikenali sebagai **Akaun Amanah Pengurusan Kenderaan** (*sebelum ini dikenali sebagai Akaun Amanah Perkhidmatan Bas*).

2.0 TUJUAN AKAUN AMANAH

Akaun Amanah ini ditubuhkan dengan tujuan:

- 2.1 Membuat penerimaan bagi semua terimaan termasuk hasil, sumbangan, geran, peruntukan yang di salurkan dan sebagainya;
- 2.2 Membuat bayaran bagi semua perbelanjaan dan tuntutan; dan;
- 2.3 Menampung perbelanjaan di Kumpulan Wang lain sekiranya diperlukan.

3.0 JAWATANKUASA PENTADBIRAN AKAUN AMANAH

- 3.1 Akaun ini hendaklah ditadbirkan oleh satu jawatankuasa, kemudian daripada ini di sebut sebagai 'Jawatankuasa Akaun'. Keahlian Jawatankuasa Akaun adalah seperti berikut:

3.1.1 Kampus Shah Alam

- | | | |
|------------------------|---|--|
| Pengerusi | : | Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) |
| Pengerusi Ganti / Ahli | : | Pengarah Bahagian Pentadbiran Strategik dan Sumber Manusia (Jabatan Pembangunan) |
| Ahli | : | <ul style="list-style-type: none"> : Pengarah Bahagian Pembangunan Infrastruktur : Pengarah Bahagian Pengurusan Fasiliti : Pengarah Bahagian Pengurusan Kenderaan : Pengarah Kewangan Bahagian Kewangan Pembangunan dan Fasiliti |
| Setiausaha | : | Seorang pegawai Jabatan yang dilantik oleh Pengerusi |
| Sekretariat | : | Bahagian Pengurusan Kenderaan, |

3.1.2 Kampus Cawangan

- Pengerusi : Rektor
- Pengerusi : Timbalan Rektor HEA / HEP / ICAN (yang dilantik oleh
Ganti / Ahli Rektor)
- Ahli : Ketua Unit Kenderaan
: Ketua Bahagian Pengurusan Fasiliti
: Ketua Bahagian Kewangan
- Setiausaha : Seorang pegawai Jabatan yang dilantik oleh Pengerusi
- Sekretariat : Unit Kenderaan / Bahagian Pentadbiran Kampus

- 3.2 Surat pelantikan perlu dikeluarkan kepada setiap Ahli Jawatankuasa termasuk Setiausaha dan Sekretariat.
- 3.3 Pengerusi juga boleh melantik ahli-ahli yang lain sebagai turut hadir namun tidak mempunyai kuasa untuk mengundi serta tidak diambilkira sebagai kuorum mesyuarat Jawatankuasa Akaun.
- 3.4 Jawatankuasa Akaun hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun dan kuorum mesyuarat adalah 2/3 daripada jumlah ahli. Kehadiran Setiausaha adalah dimestikan.
- 3.5 Jawatankuasa Akaun adalah bersama-sama turut bertanggungjawab bagi pengendalian Akaun Amanah ini.

4.0 FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA AKAUN AMANAH

- 4.1 Memutuskan dasar dan tatacara berhubung dengan penerimaan dan penggunaan wang di dalam Akaun Amanah selaras dengan tujuan Akaun Amanah seperti yang dinyatakan di perenggan 2 Arahan Amanah ini;
- 4.2 Menentukan semua laporan dan penyata berhubung dengan Akaun Amanah ini disediakan dan dikemukakan sebagaimana yang ditetapkan dalam Arahan Amanah ini, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang berkaitan;
- 4.3 Meluluskan permohonan peruntukan dari Akaun Amanah ini; dan
- 4.4 Memastikan bahawa Akaun Amanah ini berbaki kredit dan tidak terlebih dikeluarkan semasa meluluskan permohonan peruntukan.

5.0 HAD KEWANGAN

Pengerusi adalah diberi kuasa untuk meluluskan peruntukan / perbelanjaan yang tidak melebihi RM5,000.00 sahaja bagi setiap permohonan dan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Pengurusan Kenderaan untuk diminitkan.

6.0 KAEDAH KELULUSAN

- 6.1 Kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Akaun Amanah Pengurusan Kenderaan (bagi perbelanjaan tidak melebihi RM5,000.00 bagi setiap permohonan; atau
- 6.2 Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Pengurusan Kenderaan; atau
- 6.3 Kelulusan secara edaran Pekeliling hendaklah diluluskan oleh SEMUA ahli dan di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Pengurusan Kenderaan untuk pengesahan.

Kertas kerja yang tidak mendapat kelulusan dari semua ahli perlu dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Pengurusan Kenderaan bagi tujuan kelulusan.

7.0 SUMBER KEWANGAN

Akaun ini hendaklah dikreditkan dengan wang / penerimaan dari:

- 7.1 Hasil dari sewaan kenderaan
- 7.2 Keuntungan dari aktiviti-aktiviti penajaan pendapatan seperti penganjuran seminar, konferensi, kursus, bengkel atau lain-lain projek yang di jalankan dan;
- 7.3 Sumbangan dari mana-mana pihak termasuk individu atau organisasi.

8.0 PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN

Perbelanjaan - perbelanjaan yang dibenarkan dari Akaun Amanah ini adalah:

- 8.1 Pembelian kenderaan;
- 8.2 Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan;
- 8.3 Pembinaan infrastruktur dan infostruktur bagi menaik taraf mutu perkhidmatan kenderaan;
- 8.4 Bayaran elaun lebih masa dan lain-lain bayaran kepada pemandu;
- 8.5 Penganjuran program latihan kepada pemandu dan staf bahagian;
- 8.6 Menampung apa-apa perbelanjaan yang tidak dapat dibiayai oleh Kumpulan Wang yang lain.

9.0 PENGAWALAN AKAUN

- 9.1 Akaun ini hendaklah dikendalikan oleh Bendahari UiTM di bawah kawalan Jawatankuasa Akaun Amanah Am UiTM.

- 9.2 Pengawalan dan pengurusan Akaun ini hendaklah sentiasa tertakluk kepada terma-terma Arahan Akaun ini, peruntukan-peruntukan Arahan Perbendaharaan serta peraturan-peraturan kewangan yang berkaitan dengannya dan apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dan UiTM dari masa ke semasa.
- 9.3 Semua terimaan dan bayaran yang dibuat kepada dan dari Akaun ini hendaklah diperakukan oleh Bendahari UiTM.
- 9.4 Semua perbelanjaan dari Akaun ini hendaklah dibuat dengan baucer yang telah disahkan oleh Bendahari UiTM atau pegawai yang telah dilantik.
- 9.5 Akaun ini hendaklah sentiasa berbaki kredit dan tidak berlaku terlebih pengeluaran. Setiap perbelanjaan hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Akaun terlebih dahulu atau melalui kaedah-kaedah lain seperti yang ditetapkan pada para 6.0 iaitu kaedah kelulusan.
- 9.6 Bendahari UiTM hendaklah menyerahkan Penyata Kewangan Universiti bagi tahun yang berkenaan kepada Ketua Audit Negara selepas 31 Disember atau tidak lewat daripada 30 Jun pada tahun berikutnya. Satu salinan Penyata Kewangan yang telah diperiksa oleh Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Universiti untuk pengesahan.

10.0 PENUTUPAN AKAUN

- 10.1 Akaun Amanah ini hendaklah ditutup apabila ianya telah mencapai objektif penubuhannya atau tidak diperlukan atau tidak aktif; dan
- 10.2 Baki kredit di dalam Akaun ini hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Am UiTM.

11.0 TARIKH KUATKUASA

- 11.1 Arahan Amanah ini membatalkan Arahan Amanah Akaun Amanah Perkhidmatan Bas yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-148 bertarikh 22 Jun 2006.
- 11.2 Arahan Amanah ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 15 September 2024. Rujukan Kelulusan: Mesyuarat JTK Ke- 237 – pada 27 Ogos 2024.



.....
JUNITA BINTI JAMALUDIN C.A.(M), ACMA, CGMA
Pemangku Bendahari
Universiti Teknologi MARA